

- Anda perlu tahu bahawa ubat ini mungkin boleh menyebabkan keputusan palsu untuk ujian-ujian air kencing keton. Periksa dengan doktor anda sebelum mengubah cara pemakanan anda atau dos ubat kencing manis anda.
- Elakkan pendedahan yang tidak diperlukan atau pada jangka masa panjang terhadap cahaya matahari serta memakai pakaian yang melindungi kulit, menggunakan kaca mata gelap, dan memakai penghalang cahaya matahari (*sunscreen*). Pyrazinamide boleh menyebabkan kulit anda menjadi sensitif terhadap cahaya matahari.

Isoniazid:

Sebelum pengambilan isoniazid,

- Beritahu doktor anda jika anda sedang atau pernah menghidapi penyakit buah pinggang, kencing manis, penyakit sawan, perasaan menyucuk atau terbakar serta kesakitan pada jari-jari tangan atau kaki.
- Anda perlu sedar bahawa anda tidak boleh minum alkohol semasa pengambilan ubat ini

Rifampicin:

Sebelum pengambilan rifampicin,

- Anda perlu mengetahui bahawa rifampicin boleh mengubah keberkesanan kontraseptif oral. Gunakan cara pencegah kehamilan lain semasa pengambilan ubat ini. Tanya doktor atau ahli-ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat.
- Anda perlu mengetahui bahawa rifampicin akan menyebabkan air kencing, najis, air liur, kahak, peluh dan air mata anda menjadi merah kejinggaan hingga merah keperangan. Kesan ini juga boleh menyebabkan pewarnaan yang berkekalan pada kanta lekap yang lembut. Larutan pencucian biasa untuk kanta lekap mungkin tidak dapat melunturkan warna tersebut. Dengan ini, jangan memakai kanta lekap yang lembut semasa pengambilan ubat ini. Keadaan ini akan kembali asal apabila anda menghentikan pengambilan ubat. Kanta lekap yang keras tidak diwarnai oleh rifampicin.
- Anda perlu mengetahui bahawa ubat ini mungkin menyebabkan anda mengantuk. Jangan memandu kereta atau mengendalikan mesin sehingga anda mengetahui bagaimana ubat ini boleh mempengaruhi anda.

Ethambutol:

Sebelum pengambilan ethambutol,

- Beritahu doktor anda jika anda sedang atau pernah menghidapi penyakit buah pinggang, gout atau penyakit-penyakit mata seperti katarak.
- Anda perlu kembali berjumpa dengan doktor jika terdapatnya kekaburan penglihatan, kesakitan mata, kegagalan untuk melihat warna-warna merah dan hijau atau kehilangan penglihatan semasa rawatan.

Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat di tempat yang kering dan dingin. Lindungi ubat daripada kelembapan, haba dan cahaya matahari langsung.



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE



UBAT-UBAT ANTI-TUBERKULOSIS

Rifampicin
Isoniazid
Pyrazinamide
Ethambutol

MENGENAI ubat anda

Rifampicin, Isoniazid, Pyrazinamide dan Ethambutol merupakan contoh-contoh ubat anti-tuberkulosis (TB). Mereka boleh membunuh atau menghentikan pertumbuhan bakteria yang menyebabkan tuberkulosis. Rawatan tuberkulosis memerlukan penggunaan beberapa jenis ubat dalam kombinasi untuk memastikan keberkesanan rawatan.

BAGAIMANA cara untuk saya mengambil ubat ini?

Pyrazinamide:

Pyrazinamide didapati dalam bentuk tablet yang diambil dengan mulut. Ubat ini biasanya diambil satu kali sehari (pada waktu yang sama setiap hari), Pyrazinamide boleh diambil dengan makanan atau sebelum makan.

Isoniazid:

Isoniazid didapati dalam bentuk tablet yang diambil dengan mulut. Ubat ini biasanya diambil satu kali sehari (pada waktu yang sama setiap hari). Isoniazid perlu diambil dengan perut kosong.

Doktor anda mungkin mengkehendaki anda mengambil pyridoxine (Vitamin B6) setiap hari untuk mencegah atau mengurangkan beberapa kesan-kesan sampingan isoniazid. Jika vitamin ini diperlukan, adalah penting untuk mengambil pyridoxine bersama-sama dengan ubat ini. Jangan terlupa sebarang dos.

Rifampicin:

Rifampin didapati dalam bentuk kapsul yang diambil dengan mulut. Ubat ini biasanya diambil satu kali sehari. Rifampin perlu diambil dengan perut kosong.

Ethambutol:

Ethambutol didapati dalam bentuk tablet yang diambil melalui mulut. Ubat ini biasanya diambil satu kali sehari pada waktu pagi. Ethambutol boleh diambil dengan makanan atau sebelum makan.

Anda mungkin perlu mengambil antibiotik ini selama 6 bulan. Untuk membantu membebaskan anda daripada jangkitan TB sepenuhnya, anda mesti meneruskan pengambilan ubat-ubat ini sepenuh masa rawatan, walaupun anda sudah mula bertambah baik. Rawatan yang tidak mencukupi akan mengakibatkan jangkitan berulang atau menyebabkan berlakunya rintangan terhadap rawatan. Ini adalah penting untuk anda supaya jangan terlupa mengambil sebarang dos.

*Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak
Buang semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau sudah tidak diperlukan lagi*

Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Ambil dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, tunggu sampai masa untuk pengambilan ubat dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan ambil dua dos pada waktu yang sama.

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin berlaku apabila mengambil ubat ini?

Jumpa doktor anda dengan segera jika berlakunya pada anda sebarang ruam kulit, kesakitan atau inflammasi sendi atau tendon, kebengkakan muka atau kesusahan pernafasan.

Periksa dengan doktor anda jika sebarang kesan sampingan berikut berlaku.

Pyrazinamide:

Walaupun kesan-kesan sampingan untuk pyrazinamide tidak biasa terjadi, namun ia masih boleh berlaku. Beritahu doktor anda jika sebarang simptom tersebut menjadi teruk atau berlarutan:

- kesakitan perut
- kelemahan badan

Jika anda mengalami sebarang simptom yang berikutnya, hubungi doktor anda dengan segera:

- muntah
- kekuningan pada kulit atau mata
- kegelapan air kencing
- kesakitan atau kebengkakan sendi-sendi

Isoniazid:

Walaupun kesan-kesan sampingan untuk pyrazinamide tidak biasa terjadi, namun ia masih boleh berlaku. Beritahu doktor anda jika sebarang simptom tersebut menjadi teruk atau berlarutan:

- cirit-birit
- masalah penglihatan

Jika anda mengalami sebarang simptom yang berikutnya, hubungi doktor anda dengan segera:

- perasaan kebas atau menyucuk pada tangan dan kaki
- kebengkakan kelenjar
- kesakitan tekak
- pendarahan atau lebam yang luar biasa
- kesakitan atau ketegangan perut

Rifampicin:

Walaupun kesan-kesan sampingan untuk rifampin tidak biasa terjadi, namun ia masih boleh berlaku. Air kencing, najis, air liur, kahak, peluh dan air mata mungkin akan bertukar kepada warna merah kejinggaan. Kesan ini adalah tidak bahaya. Beritahu doktor anda jika sebarang simptom tersebut menjadi teruk atau berlarutan:

- kesakitan kepala
- kesakitan otot atau tulang
- muntah
- menggigil
- cirit-birit

Jika anda mengalami sebarang simptom yang berikutnya, hubungi doktor anda dengan segera:

- kesakitan pada kulit atau di dalam mulut
- demam panas
- kekuningan kulit atau mata

Ethambutol:

Walaupun kesan-kesan sampingan untuk ethambutol tidak biasa terjadi, namun ini masih boleh berlaku. Beritahu doktor anda jika sebarang simptom tersebut menjadi teruk atau berlarutan:

- kesakitan perut
- muntah

Jika anda mengalami sebarang simptom yang berikutnya, hubungi doktor anda dengan segera:

- kekaburan penglihatan
- ketidakupayaan untuk melihat warna merah dan hijau
- perubahan penglihatan yang mendadak

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Sebelum mengambil ubat-ubat anti-TB,

- Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda mengalami alahan terhadap sebarang ubat
- Beritahu doktor dan ahli farmasi anda sebarang ubat preskripsi dan bukan preskripsi yang anda sedang ambil
- Beritahu doktor anda jika anda sedang hamil, merancang untuk hamil atau sedang menyusui anak.
- Beritahu doktor jika anda sedang atau pernah menghidapi penyakit hati.

Pyrazinamide:

Sebelum pengambilan pyrazinamide,

- Beritahu doktor anda jika anda sedang atau pernah menghidapi gout, penyakit hati atau buah pinggang atau kencing manis